

PEMANTAPAN AKIDAH DAN PENGHAYATAN IBADAH

Bismillahirrahmanirrahim

PENDAHULUAN

Akidah dan ibadah merupakan teras terpenting dalam pembentukan jati diri seorang Muslim. Ciri-ciri tersebut akan menentukan sejauh mana keberkesanan dan kemenjadian seorang Muslim dalam membawa peranannya sebagai hamba Allah dan khalifah yang berjaya merealisasikan matlamat kehidupannya dalam mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Kejayaan di akhirat adalah bergantung kepada prestasinya di dunia yang memenuhi standard cemerlang mengikut acuan al-Quran dan Sunnah sebagai rujukan dan manhaj terpenting umat Islam dalam menelusuri kehidupan di dunia ini.

Akidah yang sejahtera bertauhidkan Allah S.W.T telah terbukti mampu membina generasi Sahabat yang dibentuk oleh Rasulullah S.A.W sebagai generasi terbaik sedangkan semasa jahiyah mereka adalah kumpulan manusia yang bergelumang dengan kejahilan dan kemungkaran di era mereka. Di samping memiliki akidah yang mantap dan kukuh, mereka menghidupkan pula cara hidup Islam yang komprehensif berteraskan konsep Rabbaniyah daripada panduan wahyu ilahi menjadikan keperibadian mereka terserlah dengan akhlak-akhlak mulia dan berkeperibadian yang tinggi serta cemerlang. Inilah peranan yang amat signifikan dimainkan oleh akidah melalui konsep ubudiyah dalam Islam.

AKIDAH ISLAM (TAUHID)

Akidah dan tauhid serta iman merupakan istilah-istilah yang sama merujuk kepada satu bentuk pegangan dan keyakinan yang teguh terhadap ketauhidan Allah S.W.T dan teras-teras keimanan yang wajib dipercayai oleh setiap orang Islam tanpa sebarang keraguan dan syak.

Akidah atau tauhid mempunyai pengertian yang sama iaitu ilmu yang menyelidiki dan memeriksa kepercayaan seseorang berkaitan dengan ketuhanan, kerasulan dan sam'iyat (perkara ghaib) dengan dalil-dalil yang yakin melalui naqliyah (wahyu) dan aqliyah (akal) yang boleh menghilangkan semua keraguan yang ada dalam hati seseorang Muslim.

Oleh itu, pengukuhan akidah Islam mestilah melalui proses mengenal Allah (makrifatullah) untuk mengukuhkan keimanan melalui dalil-dalil yang meyakinkan daripada al-Quran dan Sunnah mahupun dengan penggunaan dalil-dalil akal dan pancaindera agar tiada lagi keraguan dan pertikaian terhadapnya. Dengan keyakinan yang teguh (*jazam*) inilah akan membina sifat ketundukan (*ubudiyah*) dan perhambaan oleh makhluk Allah kepada Khaliq (Allah).

FARDHU AIN DALAM AKIDAH

Menurut Syeikh Daud al-Fatani, bahawa menjadi fardhu ain dalam ilmu akidah untuk mengenal Allah iaitu dengan “mengeluarkan diri daripada taklid kepada tahqiq”. Ia bermaksud seorang Muslim hendaklah mengeluarkan dirinya daripada taklid iaitu ikutan semata-mata terhadap sesuatu perkara tanpa mengetahui dalil-dalilnya kepada pembinaan keyakinan yang teguh dengan dalil-dalil yang membawa kepada iktikad yang yakin (*jazam*). Dalil-dalil tersebut datangnya daripada sumber dalil-dalil naqli (wahyu) mahupun aqli (akal)

Untuk membina iktikad yang teguh itu, pencarian dan penggunaan dalil-dalil tersebut hendaklah dilakukan sama ada secara *ijmali* (ringkas/mudah) mahupun secara *tafsili* (terperinci) mengikut kemampuan seseorang makallaf dalam perkara tersebut. Sebagai contoh, sekurang-kurang dalil *ijmali* dalam mengenal Allah sebagai pencipta yang Maha Agung ialah dengan menyatakan bahawa setiap sesuatu mestilah ada penciptanya yang mengakui terhadap hasil ciptaannya seperti bumi ini yang dilihat begitu indah susunannya pasti ada penciptanya. Oleh kerana tiada seorang pun yang mengaku sebagai penciptanya sedangkan ciptaan bumi amat dikagumi sekali ciptaan tersebut, maka Allah lah penciptanya yang Maha Agung seperti yang diceritakan oleh al-Quran.

PENGUKUHAN AKIDAH MELALUI ILMU DAN AMAL

Dalam akidah, penggunaan dalil-dalil *naqli* dan *aqli* amatlah penting untuk pengukuhan akidah Islam. Oleh itu, ilmu memainkan peranan yang penting melalui pemahaman terhadap kaedah pendalilan tersebut sehingga benar-benar dapat membina keyakinan mencapai tahap *ilm al-yaqin* (yakin melalui proses pembelajaran) mahupun *ain al-yaqin* (yakin melalui proses pemerhatian dan pengamatan). Dengan pemahaman ilmu tersebutlah akan membina keimanan yang teguh dan yakin terhadap kekuasaan dan kehebatan Allah, timbul rasa takut dan gerun

terhadap kemurkaan dan azab Allah. Inilah nilai akidah yang mantap yang membentuk jati diri Muslim yang hebat dalam Islam.

Manakala Ahli Sunnah wa al-Jamaah berpegang bahawa iman seseorang itu boleh naik dan turun dengan amal. Amal soleh menaikkan iman seseorang dan sebaliknya amalan dosa dan maksiat dapat menurunkan iman mereka. Maka, amalan soleh terutamanya yang bersifat wajib seperti solat lima waktu, puasa, zakat dan sebagainya dapat menjana keimanan yang teguh.

Adalah amat menarik apabila Imam al-Ghazali mengupas persoalan amal yang mengukuhkan iman dengan pendekatan tasawwuf iaitu bukan sekadar amalan-amalan soleh biasa, bahkan melalui proses pembersihan jiwa dan akhlak-akhlak terpuji serta sifat-sifat mahmudah dapat lagi memangkinkan proses pengukuhan iman sehingga seseorang itu sehingga dikurniakan Allah dengan keistimewaan ilmu *kashaf* dan *ilham*. Maka proses pengukuhan iman menjadi mudah dengan taufiq dan hidayah daripada Allah ke atas jiwa-jiwa yang murni tersebut.

PENGUKUHAN AKIDAH MEMALUI RUKUN IMAN

Malaikat Jibril pernah mendatangi Rasulullah S.A.W bertanyakan tentang Iman, Islam dan Ihsan. Baginda S.A.W menjelaskan tentang asas iman seperti di dalam hadith tersebut dengan menyatakan:

قَالَ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ

Maksudnya: *Manakala iman pula mempunyai keimanan yang teguh dan yakin terhadap Allah, para malaikat, kitab-kitab SuciNya, para rasulNya, kiamat dan beriman dengan kententuan qadha' dan qadar Allah (baik atau buruk).* (HR: Muslim)

Rukun-rukun iman adalah seperti berikut:

1. Beriman kepada Allah
2. Beriman kepada malaikat
3. Beriman kepada kitab-kitab yang diturunkan Allah
4. Beriman kepada rasul-rasul dan nabi-nabi

5. Beriman kepada hari kiamat
6. Beriman kepada Qadar (Qada' dan Qadar) baik mahupun buruk.

MENGENAL ALLAH MELALUI TIGA SOALAN UTAMA

Syeikh Abdul Karim Zaidan menyatakan bahawa untuk mengetahui tentang Islam, watak manusia di sisi Allah, tujuan mereka dihidupkan di dunia ini dan kesudahan hidup mereka akan terjawab melalui tiga persoalan utama kehidupan manusia iaitu:

Soalan 1 : Dari mana asal (kejadian) kita ?

Soalan 2: Apa tujuan kita diutuskan ke dunia ini (matlamat hidup)?

Soalan 3: ke mana kita selepas ini (kesudahan dan pembalasan)?

Dengan menjawab persoalan tersebut, kita akan mengetahui matlamat hidup dan apakah watak yang terbaik untuk berjaya dalam kehidupan ini. Dengan ini kita akan terus meyakini bahawa dengan mengenal Allah, kita akan menginsafi bahawa hanya dengan hidup beryariat dan ketaatan kepada-Nya kita akan berjaya dalam kehidupan di dunia dan di akhirat kelak. Maka mengenal Allah mampu membina iman dan amal yang cemerlang.

IBADAT ADALAH MATLAMAT HIDUP

Dalam al-Quran, matlamat hidup manusia di bumi ini disebut dengan jelas oleh Allah di sebalik hikmah penciptaan manusia sebagai hamba-Nya dan khalifah dalam menguruskan kehidupan berpaksikan syariat-syariat yang diturunkan kepada Rasulullah S.A.W. firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku” (51:65)

Matlamat kehidupan manusia ialah mengabdikan diri kepada Allah adalah selari dengan watak mereka sebagai hamba Allah yang hanya perlu taat dan patuh segala hukum-hakam dan syariat Islam yang komprehensif dalam semua aspek kehidupan manusia di dunia ini.

Pengabdian diri kepada Allah perlu dilihat dalam kerangka pemikiran yang lebih besar iaitu bukan sekadar perlu patuh dan taat kepada segala kehendak dan perintah Allah, tetapi hanya dengan cara tersebut sahajalah ia menjamin kejayaan, keberkatan hidup, kebahagiaan, ketenangan, kepuasan dan kecemerlangan hidup yang sebenarnya. Adapun cara hidup yang tidak berteraskan kepada syariat Allah ia tidak menjamin kejayaan sebenar atau kebahagiaan yang hakiki dalam kehidupan. Sekiranya Berjaya ia hanya bersifat sementara atau tidak menyeluruh. Inilah perbezaan yang ketara antara syariat Islam yang datang daripada Allah dengan sistem kehidupan yang lain.

HIDUP INI SATU IBADAH

Dalam melaksanakan rutin harian kehidupan ini, Islam menjadikan keseluruhan urusan hidup ini adalah ibadah. Ini bermaksud segala perbuatan seorang Muslim itu dikira sebagai pahala di sisi Allah sama ada ibadah khusus seperti solat, puasa dan lain-lain ataupun ibadat umum iaitu segala tingkah laku yang baik dikira ibadah dan mendapat pahala dengan memenuhi dua syarat iaitu; (1) Amalan dilakukan ikhlas terhadap Allah dan (2) ia menepati kehendak syarak.

Hukum *taklifi* yang berkaitan dengan lima hukum iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus adalah berkait dengan rutin hidup manusia dalam tempoh sehari semalam terutamanya yang melibatkan urusan yang bersifat harus iaitu jika dilakukan tidaklah berdosa dan juga tidak berpahala. Namun sekiranya ia dilakukan dengan memenuhi dua syarat di atas, maka ia juga dikira ibadah. Oleh itu, kehidupan seorang Muslim seharian adalah dikira ibadah sekiranya dilakukan dengan memenuhi konsep ibadah seperti yang tersebut di atas ini.

KONSEP “ASLIM TASLAM”

Rasulullah S.A.W pernah mengutuskan surat kepada pembesar-pembesar negara luar di sekitar jazirah Arab pada waktu itu menyeru mereka kepada Islam dengan ucapan “*aslim taslam*” iaitu bermaksud: “sekiranya kamu menerima (dan beramal) dengan Islam nescaya kamu akan selamat dan berjaya”. Bahkan Imam al-Nawawi telah memberikan empat formula bagaimana Islam menjamin kejayaan hidup melalui syariatnya sebagai landasan kehidupan seorang Muslim. Beliau menyatakan empat pirinsip Islam iaitu:

1. Akad yang sah (betul) [عقد صحيح] – Peraturan Islam menjamin kebenaran dan keberhasilan yang terbukti berjaya.
2. Matlamat yang benar [صدق المقصد] – Matlamat yang dapat dicapai dengan jayanya.
3. Menyempurnakan janjinya [إتمام الوعد] – Janji Allah pasti benar dan dapat direalisasikan dengan baik.
4. Menjauhi sempadan [ابتعاد الحد] – apabila menurut syariat Islam, maka mereka akan selamat daripada keburukan dan malapetaka.

PENUTUP

Pembinaan akidah yang mantap akan menjadikan seorang Muslim itu sebagai hamba Allah dan khalifah yang benar-benar taat dan komited dengan kehidupan beragama dalam semua urusan hidup mereka. Maka dengan prinsip tersebut akan menjadikan mereka menjadi Muslim yang berjaya dalam urusan mereka di dunia ini bahkan kejayaan tersebut juga akan terus dikecapi di akhirat kelak. Semoga Allah kurniakan keteguhan iman dan kecintaan dalam melaksanakan kehidupam bersyariat.

Disediakan oleh:
Hasbullah bin Mohamad
CENTRIS IIUM Kuantan.